

## **PERSEDIAAN LOGISTIK BENCANA**

### **1. PEMBINAAN PUSAT PEMINDAHAN KEKAL BENCANA (PPKB)**

PPKB direka dengan dwi fungsi iaitu sebagai tempat perlindungan yang lengkap, teratur dan mesra rakyat ketika berlaku bencana dan juga boleh digunakan sebagai pusat aktiviti komuniti semasa tempoh aman.

Pusat ini menyediakan ruang penginapan yang selesa untuk mangsa, termasuk kemudahan khas bagi warga emas, Wanita, orang kurang Upaya (OKU) dan kanak-kanak.

Fasiliti yang disediakan termasuklah tandas, ruang makan, dapur, stor makanan, surau, kawasan basuhan, ruang rawatan dan pengasingan penyakit.

Turut disediakan bangunan pentadbiran kepada petugas sewaktu bencana bagi memudahkan pengurusan dan penyelarasan bantuan dengan kemudahan pentadbiran dan sistem operasi pusat yang tersusun sekaligus meningkatkan keberkesanan pengurusan bencana.

Dengan susun atur yang terancang dan kemudahan asas yang lengkap, PPKB ini bertujuan memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan rakyat sentiasa terpelihara sepanjang tempoh pemindahan.

**Terdapat sembilan (9) projek rintis PPKB yang dibina baharu dan tiga (3) PPS yang dinaik taraf kepada PPKB iaitu:**

#### **Bina Baharu**

1. Johor – SK Seri Medan, Batu Pahat
2. Perak – SK Perwira, Teluk Intan
3. Kelantan – SK Gual Tinggi, Pasir Mas
4. Terengganu – SK Banggol Peradong, Kuala Terengganu
5. Pahang – SK Benta, Kuala Lipis
6. Sabah – Tanah Pejabat Daerah Pitas
7. Sarawak – SK Beradek, Kuching
8. Pulau Pinang – SK Machang Bubok, Bukit Mertajam
9. Kedah – SMK Jerai, Baling

#### **Naik Taraf PPS ke PPKB**

1. Johor – Dewan Arena Segitiga, Kota Tinggi
2. Johor – Dewan Taman Kota Jaya, Kota Tinggi
3. Terengganu – SMK Matang, Hulu Terengganu

## **2. PEMBINAAN TANDAS DAN TANGKI AIR PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)**

Pembinaan tandas dan tangki air di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) ini bertujuan menyediakan kemudahan sanitasi yang bersih, selesa dan mencukupi bagi mangsa bencana yang ditempatkan sementara waktu.

Antara fasiliti yang disediakan di kompleks tandas ini adalah tandas serta bilik mandi berasingan untuk lelaki dan wanita dan tangki air berkapasiti 10 ribu gallon dengan sistem pam yang efisien bagi menyokong bekalan tangki air.

**Tiga (3) projek pembinaan Tandas dan Tangki Air PPS yang telah selesai dilaksanakan iaitu:**

1. Kelantan – SMKA Lati, Pasir Mas
2. Pahang – SK Merchong Jaya, Pekan
3. Terengganu – SK Kompleks Gong Badak, Kuala Terengganu

Kompleks ini disediakan bagi membolehkan mangsa bencana mendapat kemudahan tandas dan bekalan air bersih yang selamat dan mencukupi sepanjang berada di PPS. Ini sekaligus dapat membantu petugas operasi bencana untuk menjaga kebersihan dan kesihatan mangsa-mangsa bencana serta mereka mendapat akses air bersih dan sanitasi mencukupi.

## **3. PEMBINAAN PUSAT KAWALAN BENCANA NEGERI, STATE DISASTER COMMAND CENTRE (SDCC)**

*State Disaster Command Centre* (SDCC) adalah pusat kawalan bencana di peringkat negeri yang berperanan penting untuk mengurus dan menyelaraskan tindak balas bencana dengan pantas dan berkesan.

SDCC bekerja rapat dengan Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) untuk memastikan amaran awal sampai tepat pada masanya, serta maklumat dan tindakan respons dapat dijalankan dengan cekap.

Pusat ini juga menggunakan teknologi canggih dan aplikasi seperti *Malaysia Disaster Information Management System* (MyDIMS) dan Sistem *Defence Geospatial Information Management* (DGIM) bagi memantau dan berkongsi maklumat bencana secara masa nyata, seterusnya melindungi keselamatan rakyat dengan lebih baik.

**Sehingga kini, terdapat empat (4) negeri yang telah mempunyai SDCC iaitu:**

1. Sabah – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Menara Kinabalu, Kota Kinabalu
2. Pulau Pinang – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), KOMTAR, Butterworth
3. Perak – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Ipoh

#### 4. Terengganu – Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pantai Batu Burok, Kuala Terengganu

Dengan adanya SDCC ini, pihak Kerajaan Negeri serta agensi penyelamat dan pengurusan bencana dapat bertindak dengan lebih cepat dan tersusun melalui penyelarasan maklumat dan sumber di peringkat negeri. Ia juga dapat membantu mengurangkan risiko kecederaan dan kerugian harta benda semasa bencana sekaligus membolehkan komuniti menjadi lebih tahan terhadap bencana alam melalui pemantauan dan tindakan awal yang sistematik. Kerajaan negeri dan pusat juga dapat membuat keputusan strategik berasaskan data masa nyata untuk pengurusan bencana lebih berkesan.

#### **4. PEMBEKALAN JAMBATAN KELULI BERMODULAR (*BAILEY BRIDGE*)**

NADMA telah membuat pembekalan *Bailey Bridge* yang berfungsi sebagai jambatan sementara sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang dalam mengukuhkan kesiapsiagaan logistik bencana. Jambatan ini digunakan bagi menggantikan jambatan kekal yang rosak atau musnah akibat bencana alam terutamanya semasa Monsun Timur Laut (MTL).

Dengan keupayaan untuk dipasang dalam tempoh yang singkat dan tahap fleksibiliti yang tinggi, jambatan ini membolehkan pemulihan segera terhadap rangkaian perhubungan yang kritikal dan rakyat boleh meneruskan kehidupan seperti sedia kala.

NADMA telah bekerjasama dengan Regimen Askar Jurutera Diraja (RAJD) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam aspek teknikal pemasangan serta penyelenggaraan jambatan tersebut.

Senarai lokasi penempatan *Bailey Bridge* adalah seperti berikut:

1. Kelantan - Kem Desa Pahlawan; 1 set
2. Sarawak – JKR Bekenu; 1 set
3. Sarawak – JKM Kuching; 2 set
4. Sabah – JKR Putatan; 1 set
5. Sabah – JKR Keningau; 1 set
6. Sabah – JKR Kinabatangan; 1 set

Inisiatif ini penting kerana ia membolehkan tindakan pantas bagi membantu memastikan pergerakan rakyat, penghantaran bantuan kecemasan dan aktiviti ekonomi dapat diteruskan dengan cepat selepas kejadian sesuatu bencana.

## **PUSAT SIMULASI BENCANA**

### **Latar Belakang**

Pusat Simulasi Bencana merupakan fasiliti latihan khusus yang dibangunkan oleh NADMA bagi memperkukuh keupayaan kesiapsiagaan dan tindak balas bencana negara.

Pusat simulasi ini menyediakan latihan berasaskan senario bencana sebenar untuk latihan Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dan pasukan mencari dan menyelamatkan (*search and rescue* - SAR) yang lain seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia.

Pusat simulasi ini dibangunkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dengan kos sebanyak RM 33 juta. Ia mula dibina pada 27 Oktober 2021 dan siap sepenuhnya pada 5 Februari 2025.

### **Objektif Penubuhan**

Objektif pusat simulasi ini dibangunkan adalah untuk menyediakan latihan berimpak tinggi berasaskan senario bencana sebenar, meningkatkan tahap profesionalisme dan kesiapsiagaan pasukan SMATR dan pasukan SAR yang lain.

Pusat simulasi ini juga menyokong usaha Malaysia ke arah pengiktirafan INSARAG External Re-Classification (IER) yang dijadualkan pada bulan September 2026.

Pusat simulasi ini mempunyai pelbagai struktur yang dibina berasaskan senario bencana sebenar seperti runtuh bangunan dan struktur, penyelamatan di tempat tinggi, kemalangan kereta api bawah tanah, bencana yang melibatkan bahan berbahaya (HAZMAT). Selain itu, pusat simulasi ini juga mempunyai kemudahan sistem realiti maya (VR) dan sistem pemantauan melalui CCTV bagi meningkatkan lagi keberkesanan latihan.

Selaras dengan cabaran bencana semasa, NADMA juga merancang pembangunan fasiliti simulasi bencana berasaskan air bagi memperkukuh latihan operasi menyelamat di air, sejajar dengan peningkatan risiko banjir di negara ini.

Selain dimanfaatkan oleh Pasukan SMART dan pasukan SAR dalam negara, Pusat Simulasi Bencana ini turut berfungsi sebagai platform kerjasama dan latihan antarabangsa.

Antaranya termasuk Program Latihan Bersama USAR antara SMART Malaysia (MAS-01) dan EMERCOM Rusia pada 15 hingga 20 Jun 2025, serta penglibatan pusat ini dalam Ekseksais Aman Youyi pada 15 hingga 23 Oktober 2025 yang melibatkan latihan bantuan kemanusiaan dan pengurusan bencana bersama People's Liberation Army (PLA) China.

Secara keseluruhannya, penubuhan Pusat Simulasi Bencana ini diharap dapat meningkatkan keberkesanan tindak balas bencana, memperkukuh tahap kompetensi dan profesionalisme pasukan penyelamat, serta memastikan keselamatan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap situasi kecemasan.